Peruntukan RM460.2 juta bina, baiki rumah PPRT

Oleh ZAID MOHD. NOOR dan NIK NURIZZATUL HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mediarnulia.com.my

DUNGUN: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menerima peruntukan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) sebanyak RM460.2 juta melibatkan pembinaan dan membaik pulih 5,272 buah rumah pada tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, projek tersebut merangkumi pembinaan 3,030 buah rumah baharu yang melibatkan peruntukan RM244.4 juta dan membaik pulih 12,242 buah rumah yang meliputi pembelanjaan RM215.8 juta.

Menurut beliau, peruntukan PPRT bagi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) di bawah peruntukan PPRT pula RM2.1 juta melibatkan 76 buah rumah.

"Peruntukan tersebut melibatkan pembinaan 20 buah rumah baharu yang menelan belanja RM1.3 juta dan 56 buah lagi untuk baik pulih bernilai RM840,000," kata beliau ketika berucap pada Majlis Perasmian Sentuhan Kasih Desa Terengganu 2023 di Kompleks Ketengah, Bandar Al Muktafi Billah Shah di sini semalam.



ANWAR Ibrahim disambut pengunjung ketika hadir pada program Majlis Perasmian Sentuhan Kasih Desa Terengganu 2023 di Bandar Al Muktafi Billah Shah di Dungun semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi Ketengah, Datuk Seri Ahmad Said.

Perdana Menteri berkata, KKDW juga menerima peruntukan di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) sebanyak RM12 juta yang melibatkan peruntukan bantuan PPP-Individu dan PPP-Mentor Mentee.

"Sebanyak 84 individu telah menerima manfaat itu di Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM797,250 telah disalurkan kepada agensi pelaksana.

"Bagi PPP di Ketengah, seramai 30 peserta terlibat dengan peruntukan sebanyak RM252,000," kata beliau.